

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته
بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والعاقبة للمتقين، ولا عدوان الا على الظالمين، والصلاة
والسلام على سيدنا محمد سيد المرسلين و امام المتقين، وعلى آله الطيبين الأطهار
واصحابه الهادين الأبرار، ومن تبعهم بإحسان الى يوم الدين

Iftitah

Firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

”Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perintah Allah dan cabaran hidup), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih-lebih lagi di medan perjuangan), dan laksanakanlah tugas (di medan kamu ditugaskan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).”

(Ali Imran : ayat 200)

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan hidayah dan inayahNya kita dapat bersama-sama di Mukhtar Dewan Muslimat PAS Pusat kali ke 48 ini.

Bagi seluruh saf kepimpinan Dewan Muslimat PAS Pusat dan panatia muktamar, saya mengalu-alukan kehadiran para tetamu undangan, para perwakilan dan pemerhati serta semua pihak yang terlibat bagi menjayakan muktamar ini.

Mudah-mudahan muktamar kita ini berlangsung dalam suasana ukhuwah Islamiyah yang mantap dan mendapat rahmat daripada Allah s.w.t.

Dewan Muslimat PAS Pusat juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepimpinan PAS negeri Perak kerana menjadi tuan rumah Mukhtar Tahunan kita kali ini. Pemilihan negeri Perak Darul Ridzuan adalah bertepatan dengan mandat rakyat dan sokongan padu rakan-rakan dari DAP dan PKR, yang membolehkan PAS Perak kini menerajui kerajaan Pakatan Rakyat. Syabas diucapkan.

Muqadimah

Para Perwakilan dan hadirin sekalian,

Kita bermuktamar kali ini dalam suasana di mana PAS telah mencapai kemenangan di beberapa buah negeri termasuk mengekalkan Kelantan pada PRU12 yang lalu. Natijah daripada suasana itu kita juga berjaya menghantar wakil-wakil Muslimat ke peringkat DUN dan Parlimen. Kini PAS mempunyai 3 Ahli Parlimen Muslimat dan 4 ADUN Muslimat dimana 3 daripadanya adalah anggota Exco negeri-negeri. Ini adalah satu pencapaian yang menggembirakan kita semua.

Kita perlu insafi bahawa kejayaan ini merupakan satu ujian daripada Allah s.w.t. Oleh itu kita patut banyak bersyukur agar ia menjadi satu rahmat daripadaNya. Kita juga mesti menyedari akan peranan dan tanggungjawab yang perlu kita laksanakan terhadap kejayaan itu. Janganlah kita leka sehingga sebaliknya kejayaan itu menjadi satu beban yang merugikan jamaah kita.

Pada negeri-negeri yang belum menang, kita hendaklah banyak bersabar dan istiqamah meneruskan perjuangan sehingga kita dianugerahkan kejayaan oleh Allah s.w.t. Ini juga adalah suatu ujian bagi kita meningkatkan iltizam dan daya juang ke arah mencapai kejayaan.

Sebagai sebuah jamaah Islam, kita tidak boleh tenggelam dalam sorak-sorai kemenangan dan terlalu berbangga dengan kejayaan yang kita perolehi. Kita juga tidak boleh terlalu berdukacita dengan kekalahan. Bagi kita, kalah atau menang di dalam pilihanraya adalah sesuatu yang lumrah kita tempuhi. Sesungguhnya cabaran yang lebih besar bagi kita ialah bagaimana kita mengisi kemenangan dan mempertahankan kemenangan tersebut.

Mengisi kemenangan dengan ruh Islam.

Fiman Allah s.w.t:

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

"Dan mereka yang diberikan kekuasaan memerintah di atas muka bumi, mereka mendirikan solat, dan mengeluarkan zakat, dan menyuruh kepada maaruf serta mencegah kemungkaran, dan kepada Allah dikembalikan segala urusan"

(al-Haj : ayat 41)

Menyedari PAS sebagai sebuah jamaah Islam yang mewarisi perjuangan baginda Rasulullah s.a.w., kita harus mengisi kemenangan dengan memastikan wujudnya nilai-nilai Islam yang universal di dalam masyarakat. Ia adalah nilai-nilai yang berteraskan pengabdian yang mutlak terhadap Allah s.w.t.

Sesungguhnya dalam kegembiraan mendapat sokongan rakyat, PAS janganlah terluca menguatkan iltizam dan membina kekuatan daya intelek atau "*intellectual prowess*" sama ada di kalangan ulama mahu pun profesional.

Adunan benteng aqidah yang kukuh yang bergantung sepenuhnya kepada Allah s.w.t dan kekuatan daya intelek ini akan dapat menjamin semua peringkat kepimpinan PAS merealisasikan kehendak dan mandat rakyat serta mengurus perubahan dengan bijaksana.

Pada akhirnya, penghayatan inilah penentu dalam mengukur kewibawaan dan daya saing jamaah dan pencapaian yang cemerlang yang bercirikan ruh Islamiyah.

Teras utama kepada penghayatan Islam.

Penghayatan Islam yang syumul adalah melalui kesepaduan Islam-Iman-Ihsan yang telah diajarkan oleh Allah s.w.t kepada baginda Rasulullah s.a.w.

Kesepaduan prinsip Islam-Iman-Ihsan meletakkan keredhaan Allah s.w.t sebagai puncak utama kehidupan. Enam rukun sebagai prinsip hidup yang berteraskan kepada prinsip ketuhanan melalui rukun iman:

- Prinsip **tauhid** beriman kepada Allah Yang Maha Esa akan melahirkan manusia yang melakukan sesuatu semata-mata kerana Allah s.w.t ;
- Prinsip **keikhlasan** melalui rukun iman kedua iaitu beriman kepada malaikat yang mana kita yakin segala perbuatan kita akan dicatat oleh malaikat. Keyakinan ini akan melahirkan manusia yang tidak mengutamakan ganjaran dunia tetapi melakukan kerja sebaik dan seikhlas mungkin kerana semuanya telah dicatat oleh malaikat untuk diberi ganjaran syurga oleh Allah s.w.t ;
- Prinsip **kepimpinan** melalui rukun iman ketiga iaitu beriman kepada rasul. Rasulullah s.a.w menjadi idola – contoh teladan seorang pejuang yang mempunyai tanggungjawab perjuangan dan pengorbanan yang tinggi ;
- Prinsip **pembelajaran** melalui rukun iman keempat iaitu beriman kepada Kitab-kitab. Al-Quran sebagai petunjuk dalam segenap ruang kehidupan yang seterusnya melahirkan manusia seimbang yang mendapat didikan terus daripada yang Allah s.w.t ;

- Prinsip **wawasan** melalui rukun iman kelima iaitu beriman kepada hari akhirat. Wawasan yang akan melahirkan manusia yang sentiasa menghitung setiap perbuatan bagi memastikan ianya mendapat ganjaran yang kekal abadi ;
- Dan terakhir prinsip **hamba** yang telah ditentukan qada' dan qadarnya oleh tuannya melalui rukun iman keenam. Ketentuan yang akan melahirkan manusia yang mengenal diri sendiri, rendah diri sesama manusia apatah lagi sesama ahli jamaah dan hanya taat dan takut kepada yang Maha Pencipta dan Maha Berkuasa.

Jalan menuju ketaqwaan.

Setelah diterapkan enam prinsip kehidupan manusia berteraskan rukun iman, Allah s.w.t juga melengkapi kehidupan manusia dengan mekanisma kehidupan berteraskan kepada lima rukun Islam.

- Mekanisma pertama adalah pembentukan **matlamat** melalui penghayatan kalimah syahadah yang akan melahirkan manusia yang mempunyai matlamat yang jelas iaitu berpusatkan kepada pengabdian terhadap Allah s.w.t dan menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai contoh teladan dalam kehidupan ;
- Mekanisma kedua adalah pembentukan **peribadi** melalui rukun islam kedua iaitu solat yang akan melahirkan manusia berdisiplin, taat, bertanggungjawab, jujur dan ikhlas dalam setiap tindakan ;
- Mekanisma ketiga adalah pembentukan **benteng** diri melalui rukun Islam ketiga iaitu puasa yang akan melahirkan manusia yang kuat yang mampu bertahan dengan segala cabaran dan dugaan hidup ;
- Mekanisma keempat adalah pembentukan **kesatuan** melalui nilai zakat yang akan melahirkan manusia yang bersatu dan tolong menolong antara satu sama lain demi kebenaran dan keadilan ;
- Dan mekanisma kelima iaitu pembentukan **tindakan** melalui nilai rukun haji yang akan melahirkan manusia progresif, inovatif dan mempunyai daya saing dan daya juang yang tinggi.

Sesungguhnya Islam sebagai ad-Din, iaitu satu sistem hidup yang lengkap dan universal amat sesuai untuk semua kaum pada sepanjang zaman.

Firman Allah s.w.t:

مُ وَأَثَمْتُمْ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ

Maksudnya:

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redha Islam itu menjadi agama untuk kamu."

(al-Maidah : ayat 3)

Justeru itu, PAS sebagai wadah gerakan dakwah dan siasah perlu berperanan memimpin dan membimbing masyarakat ke jalan kebenaran yang diredhai Allah s.w.t

Peranan Muslimat berganding bahu melaksanakan amanah.

Firman Allah s.w.t ;

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya :

" Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sesetengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebajikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Bijaksana"

(at – Taubah : ayat 71)

Kini PAS berjaya meraih kemenangan di beberapa negeri, atas dasar "tahaluf siasi" kerjasama politik. Maka tanggungjawab mengisi kemenangan ini sudah tentulah dipikul oleh semua. Di dalam konsep bantu-membantu dan sokong-menyokong, Muslimat PAS tidak terlepas dari melaksanakan tanggungjawab mengisi kemenangan ini, Insyaa-Allah.

Sebagai salah satu sayap kepada PAS, Muslimat PAS mesti dilihat melepasi kepungan pemencilan. Ia hendaklah dilihat sebagai tenaga penting dalam semua bidang kemasyarakatan khususnya dalam menaikkan martabat wanita, meletakkan hak-hak wanita kembali ke tempat asalnya serta membela masyarakat wanita yang ditindas.

Perjuangan suci kita amatlah jauh berbeza dengan perjuangan feminisme barat yang dilihat rencam bersaing hebat dengan kaum lelaki di segenap ruang kehidupan. Peranan Muslimat adalah sebagai pendokong dan pelengkap terhadap agenda besar ketamadunan ummah seperti yang ditunjukkan oleh para sahabat dan isteri-isteri baginda Rasulullah s.a.w.

Firman Allah s.w.t.

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

”Wanita itu mempunyai hak-hak, sama seperti juga mempunyai tanggungjawab yang harus dilaksanakan dengan baik, dan lelaki mempunyai kelebihan darjat di atas mereka. Dan sesungguhnya Allah Maha Mulia lagi Bijaksana.”

(al-Baqarah : ayat 228)

Semestinya sifat-sifat terpuji yang telah dipamerkan oleh para isteri Rasulullah s.a.w menjadi ikutan setiap anggota Dewan Muslimat. Sebagai contoh ;

- Saidatina Khadijah terkenal dengan pengorbanannya yang tinggi kepada perjuangan Islam yang dipimpin oleh baginda Rasulullah s.a.w.
- Saidatina Aisyah terkenal dengan kepintarannya memahami agama yang disampaikan oleh baginda Rasulullah s.a.w. serta menjadi pakar rujuk kepada para sahabat.
- Saidatina Zainab pula terkenal dengan sifat penyayang, pemurah dan budiman terutama kepada orang-orang miskin sehingga dia mendapat nama julukan "Ummul Masaakin" (ibu orang-orang miskin).

Malahan kesemua isteri-isteri Rasulullah s.a.w terkenal dengan sifat-sifat mulia, ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah s.wt dan Rasulullah s.a.w. Sifat-sifat mulia ini perlu menjadi contoh teladan kepada para muslimat untuk menyediakan diri sebagai muslimah contoh kepada masyarakat wanita khususnya di Malaysia.

Prasarana dan realiti politik.

Selama kita menempuh prasarana politik pilihanraya, rata-rata pengundi wanita kini telah bertambah cerdas disebabkan mereka sudah berpelajaran. Maka tanggungjawab Muslimat adalah bertambah berat dan penting dalam mendidik masyarakat dan generasi masa depan.

Kita juga mesti mengambil kira realiti keterlibatan wanita yang tinggi di Institusi Pengajian Tinggi, baik sebagai tenaga pensyarah mahupun pelajar. Di sektor awam dan perkhidmatan kita mula melihat wanita mendominasi suasana tenaga kerja.

Gambaran ini menunjukkan juga bahawa pada dekad akan datang wanita adalah kuasa penentu *”bargaining power”* kepada suasana politik negara. Ini jelas ditunjukkan di dalam statistik Guna Tenaga Wanita Malaysia 2006 dan Personel Sektor Awam Mengikut Kumpulan Perkhidmatan dan Jantina 2006.

Oleh itu saya mengajak Muslimat PAS dan seluruh wanita Malaysia yang prihatin dalam pelbagai sektor pekerjaan dan kerjaya, profesional, ahli korporat, cerdik-pandai, tokoh politik dan akademik, ayuh bangun!. Mari kita berganding bahu bergerak maju untuk mempertahankan kemenangan dan mengisi kemenangan dengan agenda yang jitu bagi meraih sokongan dan mandat rakyat yang lebih besar.

Untuk bergerak lebih jauh dalam memacu kejayaan dan kecemerlangan bersama wanita Malaysia, Dewan Muslimat telah meletakkan pembinaan modal insan di kalangan ahli Muslimat PAS dan seluruh masyarakat sebagai misi utama. Seterusnya dengan modal insan berkeupayaan ini akan melahirkan penguasaan politik bagi membela kebajikan rakyat dan memacu perubahan minda rakyat yang merdeka.

Dewan Muslimat juga merumus beberapa perkara merentasi bidang dan lapangan sektor-sektor wanita di Malaysia.

Kesedaran dan penghayatan beragama.

- Menyedari masalah pokok kepada permasalahan sosial hari ini adalah kerana tiada kesedaran dan penghayatan beragama dan ketuhanan. Maka Dewan Muslimat merasakan sektor ini perlu diberi penekanan yang serius bagi mengembeling seluruh tenaga ke arah membawa wanita kepada cahaya kebenaran yang berpusatkan kepada keesaan Allah s.w.t.
- Kesedaran ini akan melahirkan wanita yang menjadikan agama sebagai ad-Din satu cara hidup yang akan mendorongnya melakukan kebaikan kepada seluruh manusia tidak kira agama dan bangsa juga kepada alam sekitar.
- Dewan Muslimat juga menyedari bahawa manusia harus hidup hormat-menghormati dan tolong-menolong walau apa pun agama yang dianuti. Masing-masing memahami kebudayaan dan kepercayaan antara satu sama lain serta bersama-sama menonjolkan nilai-nilai sejagat yang positif seperti prinsip keamanan, keadilan, toleransi dan kesejahteraan rakyat.

Sektor pementapan organisasi.

- Memandangkan peranan wanita di dalam pembangunan ummah dan negara dimana sudah ramai wanita mula berkecimpung dalam sektor yang melibatkan pengurusan dan profesional, kemahiran berorganisasi adalah satu perkara yang penting yang harus dikuasai oleh wanita.
- Strategi ini penting bagi meningkatkan daya kepimpinan dan pengurusan wanita di dalam memajukan mana-mana organisasi samada organasasi politik atau NGO bagi membuat perubahan kepada masyarakat.

- Dewan Muslimat bersedia untuk berusaha bersama semua lapisan wanita Malaysia bagi memastikan wanita mempunyai kemampuan mengurus dan mentadbir sesebuah organisasi dengan cekap, amanah dan bertanggungjawab mengikut dasar pengurusan yang ditetapkan oleh Islam yang berteraskan kepada nilai-nilai universal seperti jujur, amanah, bertanggungjawab dan berintegriti.

Sektor institusi keluarga

- Peningkatan perceraian terutama di kalangan pasangan Islam mengakibatkan peningkatan jumlah ibu-ibu tunggal/tinggal yang menuntut pembelaan.
- Keruntuhan institusi keluarga juga mengundang masalah yang lebih besar iaitu peningkatan jenayah yang diakibatkan daripada keruntuhan akhlaq di kalangan anak-anak.
- Dewan Muslimat perlu berusaha untuk menyelamatkan anak-anak dengan memupuk perasaan takut kepada yang Maha Kuasa dan keyakinan tentang hari pembalasan serta syurga dan neraka.
- Dewan Muslimat juga menekankan kepada masalah pokok yang perlu diselesaikan dengan menggunakan pendekatan ketuhanan yang akan melahirkan anak-anak yang berkualiti dan mempunyai nilai-nilai yang baik seperti penyayang, pengasih, menjaga harta orang lain, membela kebenaran dan menghormati orang lain.

Firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقْوُدْهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarnya adalah manusia dan batu-batu (berhala).....”

(at-Tahrim : ayat 6)

Sektor kebajikan masyarakat.

- Dewan Muslimat sesungguhnya amat prihatin terhadap nasib yang menimpa masyarakat yang kurang mampu samada dari segi material atau rohani.
- Dewan Muslimat meletakkan satu komitmen jangka panjang melalui kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan dengan melaksanakan konsep 'Negara Berkebajikan' yang mesra rakyat.
- Bersama-sama dengan warga PAS seluruhnya meningkatkan usaha bagi mengeluarkan golongan yang malang ini dari tahap kemiskinan rohani dan jasmani dan seterusnya membangunkan potensi manusia ke tahap optimum serta meningkatkan daya ketahanan masyarakat untuk menghadapi cabaran semasa.

Sektor politik, penggubalan dasar dan undang-undang.

- Dewan Muslimat bersedia untuk memberi sumbangan kepada kestabilan politik negara serta mengambil bahagian dalam penggubalan dasar negara untuk kesejahteraan rakyat seluruh Malaysia tanpa mengikut kaum dan bangsa.
- Dewan Muslimat juga akan memastikan penglibatan muslimat/wanita di dalam parti dan kerajaan Pakatan Rakyat dengan penglibatan secara terus sebagai senator, ahli parlimen, ahli dewan undangan negeri, ahli majlis kerajaan tempatan, ahli jawatankuasa kampung dan seumpamanya dengan memberi peranan yang sesuai bagi pembangunan wanita disemua peringkat.
- Dewan Muslimat juga berusaha untuk memastikan penggubalan dasar, perundangan, peraturan dan program yang diputuskan oleh kerajaan mengambil pertimbangan tentang sumbangan dan implikasinya terhadap wanita serta impak dan kesan yang negatif terhadap wanita.
- Dewan Muslimat juga akan mengambil inisiatif dalam memastikan wujudnya satu sistem penyelarasan dan kawalan bagi program-program yang komprehensif. Satu rencana gerak kerja bagi mengelakkan kesan-kesan negatif dan juga bagi mengesani rintangan dan masalah, sama ada dari segi undang-undang, agama mahu pun dari segi amalan, supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi mengatasinya.
- Dewan Muslimat ingin menegaskan bahawa semua program pembangunan seharusnya mempunyai strategi yang memelihara hak-hak wanita; penglibatan wanita mengikut kesesuaian di semua peringkat, daripada peringkat awal perancangan hingga ke peringkat penilaian, di peringkat nasional dan juga di peringkat tempatan.

- Di Parlimen dan DUN, Dewan Muslimat akan berusaha supaya PAS menjadi kerabat penting dalam Pakatan Rakyat, memainkan peranan utama menasihati dan membimbing agar pakatan ini berjaya memenuhi mandat rakyat serta disegani oleh kawan dan lawan. Dengan itu pakatan ini akan berterusan dan mendapat rahmat dari Allah s.w.t
- Dewan Muslimat juga mengambil komitmen melindungi hak-hak asasi manusia dalam sebarang usaha kerajaan menggubal undang-undang.
- Kita juga akan bersama-sama menyokong usaha mana-mana badan politik dan NGO untuk memansuhkan undang-undang rimba yang lapuk seperti ISA, OSA dan sebagainya yang menindas hak-hak rakyat.

Firman Allah s.w.t.

وَإِذَا حَكَّمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksudnya:

“ dan apabila kamu menjalankan hukum diantara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.”

(an-Nisa : ayat 58)

Sektor pendidikan dan latihan

- Pada sektor pendidikan dan latihan, Dewan Muslimat perlu memberikan penekanan kepada program-program pendidikan dan latihan untuk wanita dan anak-anak yang sesuai dengan keupayaan dan potensi masing-masing.
- Menggalakan wanita menceburkan diri dalam pelbagai sektor perniagaantani, perusahaan kecil dan sederhana serta lain-lain usaha berdikari yang selaras dengan tuntutan Islam bagi mengembangkan potensi individu dan berpeluang menjadi rakyat yang produktif dan berakhlak mulia.

Sektor kesihatan

- Dewan Muslimat perlu memantau bagi memastikan kerajaan mewujudkan satu dasar kesihatan negara yang mengambil kira keperluan dan taraf kesihatan kaum wanita yang berteraskan kepada konsep kesihatan yang komprehensif. Satu taraf yang meliputi aspek-aspek kesihatan jasmani, rohani, mental dan emosi yang akan melahirkan manusia yang seimbang.
- Untuk menaiktaraf tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan kesihatan, Dewan Muslimat juga ingin menekankan bahawa usaha bersepadu perlu digembeling bagi memastikan:
 - Penyebaran maklumat kesihatan yang sama rata di semua kawasan, serta memberikan kesedaran kepentingan kesihatan kepada masyarakat khususnya wanita.
 - Menggalakkan perkembangan kedua-dua ilmu dan amalan perubatan cara moden dan tradisional sesuai dengan kehendak dan kemampuan masyarakat.
 - Melaksanakan dasar yang berkesan tentang perancang keluarga agar ianya selaras dengan hukum-hukum Islam.

Sektor ekonomi

- Dewan Muslimat sesungguhnya menyedari betapa pentingnya kekuatan ekonomi khususnya ekonomi wanita Malaysia bagi membangunkan ummah dan tamadun.
- Golongan wanita harus dibimbing agar mempunyai kesedaran dan kemahiran tentang bagaimana memperkuatkan ekonomi yang juga perlu disesuaikan mengikut landasan Islam.
- Dewan Muslimat akan menyokong inisiatif serta komitmen mewujudkan tabung-tabung untuk menjana dana ekonomi, dana pendidikan dan dana kebajikan.
- Dewan Muslimat juga akan berusaha menggiatkan agenda membina usahawan-usahawan wanita disamping menyelaraskan program-program motivasi dan peningkatan ilmu-ilmu perniagaan dan pengurusan agar mereka dapat bersaing dengan sihat.

Sektor media

- Dewan Muslimat juga menyedari peranan media yang begitu hebat di dalam membentuk minda dan halatuju rakyat Malaysia.
- Pengamal media yang hanya mementing keuntungan niaga dan juga kepentingan tuannya pemegang-pemegang saham mereka akan merosakkan kesejahteraan masyarakat.
- Dewan Muslimat sesungguhnya yakin bahawa wanita berpotensi memainkan peranan yang lebih dinamis dalam mengembangkan ilmu melalui pancaran media yang bermutu.
- Dewan Muslimat akan berusaha agar media dapat memainkan peranan mendidik bangsa baik melalui dunia hiburan, maklumat, pendidikan, politik, perniagaan mahupun dalam lapangan antarabangsa.
- Dewan Muslimat juga akan memulakan usaha menegur dan menasihati agar penglibatan pengamal media berpegang kepada landasan Islam yang melahirkan nilai-nilai murni yang universal, sekurang-kurangnya bagi media-media di bawah kawalan Pakatan Rakyat.

Sektor kerjaya

- Dewan Muslimat menyedari dan menghargai sumbangan wanita di dalam sektor pekerjaan yang selama ini banyak membantu negara mencapai kejayaan. Kita juga menyedari cabaran yang besar yang dihadapi oleh golongan wanita dalam mendapatkan pekerjaan yang sesuai dan eksploitasi wanita di dalam sektor pekerjaan
- Dewan Muslimat meletakkan satu komitmen untuk membantu wanita dalam aspek-aspek kerjaya termasuk untuk mendapatkan maklumat tentang peluang pekerjaan yang sesuai dengan kaum wanita mengikut lunas-lunas Islam.
- Dewan Muslimat menyokong usaha-uasaha membela nasib dan hak-hak pekerja wanita tanpa mengira kaum melalui penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti pekerja dan latihan bagi melahirkan pekerja yang cemerlang.

Sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D)

- Dewan Muslimat sesungguhnya menyedari perlunya budaya penyelidikan dan pembangunan dipertekankan dikalangan wanita bagi menghasilkan produk-produk dalam bentuk idea, pendekatan atau barangan baru bagi kesejahteraan ummah.
- Dewan Muslimat menyedari bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan daya maju sesuatu bangsa, memerlukan wujudnya penyelidikan bagi mengenalpasti bidang-bidang baru dan faktor-faktor yang menyumbang ke arah kejayaan dalam aktiviti R&D.

Sektor hubungan luar

- Dewan Muslimat sesungguhnya sangat menghargai dan menghormati sumbangan dari rakan-rakan parti gabungan Pakatan Rakyat serta NGO samada dalam negeri atau di peringkat antarabangsa.
- Dewan Muslimat menyedari sumbangan mereka yang selama ini bertungkus-lumus menggerakkan tenaga melalui pelbagai aktiviti samada aktiviti-aktiviti berbentuk mengajak kepada kebaikan dan kemajuan, mahupun aktiviti-aktiviti yang berbentuk protes, menegur pihak-pihak tertentu yang tidak berlaku adil dan menzalimi rakyat.
- Dewan Muslimat juga bersedia memberikan kerjasama kepada pelbagai badan parti politik dan NGO dalam usaha-usaha menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.

Sektor ICT

- Dewan Muslimat menyedari teknologi ICT hari ini sangat memberi kesan kepada pembangunan manusia termasuk dari aspek-aspek minda, jasmani dan emosi.
- Kita meletakkan satu komitmen jangka panjang untuk mempertingkatkan penggunaan ICT di kalangan wanita Malaysia.
- Dewan Muslimat akan berusaha memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang kebaikan dan kaedah bagaimana ICT dapat membantu wanita dalam aktiviti-aktiviti harian dan dalam dunia perniagaan.
- Kita akan mengambil inisiatif mewujudkan program-program kesedaran dan kemahiran ICT kepada wanita bagi membolehkan manfaat ICT dikecapi dengan maksimum.

Sektor sukan dan rekreasi.

- Dewan Muslimat juga sesungguhnya menghargai sumbangan sektor sukan di dalam pembangunan wanita di Malaysia. Kita juga berusaha untuk memperkembangkan sukan dengan memasukkan nilai-nilai spiritual disamping jasmani yang seharusnya digandingkan dalam pembinaan jati diri manusia cemerlang.
- Kita juga akan menggalakkan pembinaan kemudahan sukan dan rekreasi khusus bagi wanita seperti kolam renang, gimnasium dan lain-lain yang difikirkan perlu.

Sektor Kebudayaan & Kesenian

- Dewan Muslimat juga menyedari sektor kebudayaan dan kesenian merupakan satu bidang yang tidak boleh dipisahkan daripada jiwa manusia. Budaya dan seni sesungguhnya mampu membentuk tamadun cemerlang sekiranya ianya berteraskan kepada nilai-nilai kerohanian unggul yang bermatlamatkan kepada Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.
- Budaya dan seni mampu membentuk minda dan jati diri wanita Malaysia di dalam mengharungi segala cabaran hidup hari ini. Kita menyokong usaha-usaha dalam memajukan sektor kebudayaan dan kesenian yang berlandaskan Islam bagi menyuburkan sifat-sifat kelembutan, kesopanan serta hormat menghormati di kalangan manusia pelbagai kaum dan agama.

Dalam melaksanakan agenda bertindak bagi keseluruhan sektor-sektor wanita yang disebut di atas, harapan dan cita-cita kita amat besar untuk melihat semua sektor yang ada itu dimanfaatkan dan dipertingkatkan dengan nilai-nilai yang boleh digarap dan dipraktikkan di mana-mana bahagian yang termampu.

Oleh itu menjadi satu keperluan yang mendesak, gandingan dan kerjasama semua pihak bagi memastikan kejayaannya dapat dicapai. Maka cita-cita besar ini memerlukan kepada pengorbanan yang besar juga.

Insyallah inisiatif dan usaha-usaha ini akan diselaraskan oleh lujnah-lujnah yang telah diwujudkan di dalam Dewan Muslimat bagi mengemudi inisiatif sektor-sektor ini.

Pemeriksaan Muslimat PAS sebagai pemimpin dan agen perubahan.

Untuk memastikan komitmen Dewan Muslimat dapat dilaksanakan dan memacu tugas-tugas dan penglibatan dalam semua sektor di atas dengan jayanya, Dewan Muslimat harus dilengkapi dan dinaiktaraf dengan pelbagai ilmu dan kemahiran.

Dewan Muslimat mesti melahirkan tenaga penggerak yang bijak berorganisasi dengan sistematik yang memahami arus politik. Ini memerlukan ahli-ahli yang telah melalui proses dan ditarbiyah dengan acuan PAS bagi melahirkan pengkader, pendakwah yang profesional yang mampu menerangkan misi dakwah.

Oleh itu melalui integrasi lajnah-lajnah politik & pemeriksaan organisasi, tarbiyah & latihan kepimpinan, penerangan & dakwah, ICT serta Sekretariat adalah merupakan satu usaha bersepadu bagi memperkasa muslimat yang berteraskan kepada iman, amal dan bermaklumat bagi melahirkan insan yang mampu berdepan dan memimpin masyarakat mewakili pelbagai sektor di atas.

Gerakan penerangan & dakwah dan ICT mesti dimantapkan sebagai saluran penyampaian maklumat berkesan kepada ahli dan juga masyarakat awam. Di samping berfungsi sebagai penyebar maklumat parti ia juga harus berfungsi sebagai pemantap fikrah ahli di samping berupaya mengembangkan fikrah Islamiyah agar fikrah ini menyemarak di tanah air di dalam masyarakat dan 'mesra rakyat'.

Gabungan lajnah-lajnah ini adalah diharap dapat melahirkan dan membina jatidiri kepimpinan, amilin (petugas parti) dan penyokong parti yang mampu menjadi pengurus dan pentadbir yang cekap dan seimbang dari aspek-aspek rohani, jasmani, berakhlak dan bermaklumat.

Ilmu dan maklumat serta amal Islami yang digarap di dalam masyarakat diharap dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak dalam semua bidang kehidupan berteraskan ketaqwaan kepada Allah s.w.t.

Harapan kita akan lahirnya masyarakat yang memahami, menghayati dan mengamalkan Islam dan seterusnya melahirkan masyarakat yang memperjuangkan Islam.

Melestari kebajikan, melebarkan sokongan dan menggiatkan konsep 'PAS For All'

Menjadi fitrah semula jadi insan menyukai kebaikan dan kebajikan. Kerja-kerja kebajikan telah memberi '*weightage*' kepada institusi rakyat dan masyarakat. Oleh itu PAS dalam melestari konsep "Negara Berkebajikan" mestilah terus menerus berperanan melalui pendekatan mesra rakyat.

Menggiatkan dan menjalin hubungan politik dengan pelbagai kaum, pelbagai kategori masyarakat pekerja, peneroka dan pengguna dalam membela hak-hak dan keadilan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kini kegiatan membela dan menyuarakan hak-hak golongan yang tertindas ini menjadi jolokan yang sinonim dengan PAS.

Mendekati masyarakat dengan pendekatan **K.B.S.M** (K=Perkahwinan, B=Bersalin, S=Sakit dan M=Kematian) adalah satu perkara yang mesti diberi perhatian. Meraikan dan meramaikan majlis-majlis keraian adalah prinsip bermasyarakat. Menghulurkan bantuan dikala rakyat ditimpa musibah adalah adat dalam politik. Setiap pimpinan dan ahli mesti memainkan peranan ini di dalam masyarakat.

Meminjam kata-kata orang berpengalaman 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing'. Masalah keperitan rakyat adalah masalah negara. Gerak-kerja Lajnah Pengguna & Alam Sekitar bagi memperjuangkan isu-isu keperitan rakyat seperti kenaikan harga minyak, kenaikan harga barangan keperluan harian, dan lain-lain telah meletakkan PAS di persada politik arus perdana. PAS kini dilihat sebagai the '*winning icon*' dalam memperjuangkan isu-isu nasional dan internasional dan yang berkaitan gerakan memusuhi agama Islam.

Seterusnya, kini PAS telah melebarkan sayapnya dan menghulurkan salam persahabatan kepada NGO-NGO dan Non-Muslim. Ini telah dapat memecah tembok persempadanan perkauman dan agama yang diwujudkan selama ini dan kini PAS telah membuktikan bahawa ia boleh berbaik dan bekerjasama dengan sesiapa sahaja yang inginkan kebaikan dan keadilan dan menentang kezaliman dan penindasan.

Lajnah-lajnah ini mampu menggarap pendekatan "*PAS For All*" untuk seluruh rakyat Malaysia. Agenda ini akan lebih berjaya dengan dokongan dari Kelab Penyokong PAS, rakan-rakan Pakatan Rakyat dan NGO melalui gabungan strategik dan '*engagement*' atas kepentingan bersama.

Ketrampilan dan imej remaja Islam

Dewan Muslimat amat mengharapkan supaya Nisa' akan menjadi pintu masuk '*opening gate*' kepada anak-anak gadis, remaja dan generasi muda untuk rapat dan mendekati Pas. Komitmen kita agar Nisa berperanan lebih pro-aktif dalam mencapai '*the untapped market*' iaitu golongan yang belum mendapat dan menerima sinaran nur Islam. Nisa' harus mewujudkan imej 'mesra remaja' dan pembela remaja yang teraniaya dan bermasalah.

Menjadi harapan Dewan Muslimat, agar Nisa' dapat sebaris mendekati remaja perempuan sebagaimana Unit Amal mendekati pemuda remaja. Apabila pemudi-pemudi remaja yang belum mendapat tempas nur Islam menghadiri program-program Nisa', itulah saatnya tanda kejayaan Nisa' mendekati masyarakat remaja.

Begitu juga perlu bagi remaja-remaja Nisa' ini dipertingkatkan komitmen dan ketrampilan mereka melalui program usrah, tamrin anjuran kepimpinan Dewan Muslimat. Kerana ini adalah program pengukuhan untuk jangka panjang. Setelah kita berjaya mendekati dan mengenali mereka kita mesti mengikatkan komitmen mereka kepada PAS. Kita tidak seharusnya menghabiskan perancangan program setakat sukan dan rekreasi sahaja.

Menangani isu kepincangan negara.

Dalam melalui hari-hari mendatang, tanah-air yang kita cintai ini tidak pernah sunyi dan sepi dari jerih-perih kehidupan rakyat jelata. Adalah menjadi agenda PAS dalam menangani segala kepincangan, ketidakadilan, penindasan dan penyalahgunaan kuasa di kalangan pemimpin negara.

Kita melihat bagaimana pemimpin Barisan Nasional dalam menangani isu krisis makanan dunia. Jelas menunjukkan tidak adanya keupayaan dan keazaman politik – '*political will*' dalam menyelesaikan isu ini.

Sepatutnya dengan anugerah Allah s.w.t yang melimpah ruah dengan tanah-tanah yang begitu subur untuk penanaman padi, yang disebut sebagai jelapang-jelapang padi, kita telah lama mencapai tahap '*self-sufficient*' dalam pengeluaran beras.

Tetapi disebabkan kerajaan mengambil jalan pintas dan bersifat jangka pendek dalam dasar yang berkaitan dengan makanan negara terutamanya yang berkaitan dengan pengeluaran beras. Maka wujudlah satu dasar secara tidak bertulis berpegang pada pendekatan : Lebih murah mengimport beras daripada mengeluarkannya. Dalam krisis ini yang melanda dunia sekarang, strategi ini telah memakan tuan.

Bagi kerajaan Pakatan Rakyat Kedah, 'food security' negara perlu dipertahan malah diperkukuhkan, bukan dirobek atas nama pembangunan sehingga meletak masa depan negara dan rakyat keseluruhan dihimpit oleh bahaya kebuluran.

Pada peringkat awalnya, Zon Industri Petroleum Yan (ZIPY) akan dijalankan di sebahagian besar kawasan sawah padi yang paling subur di negeri jelapang padi, Kedah. Tetapi tindakan segera telah diambil oleh kerajaan baru Pakatan Rakyat Kedah dengan cadangan memindahkan projek tersebut ke lokasi yang lain sebaik sahaja kerajaan baru dibentuk.

Walaupun pada awalnya kerajaan mencadangkan dipindahkan ke kawasan perindustrian berat di Gurun namun setelah rundingan diadakan bersama pelabur-pelabur, ZIPY dipindahkan ke pesisiran laut Yan. Natiujahnya, jumlah pelaburan pada mulanya berada sekitar RM50 bilion telah meningkat kepada lebih RM80 bilion.

Dasar sambil lewa kerajaan Pusat juga dilihat tidak prihatin kepada petani dan kebajikan mereka. Kerajaan menawarkan harga padi yang rendah berbanding dengan harga beras yang relatifnya tinggi. Dasar ini telah menghimpit kehidupan para petani.

Gelagat pemimpin UMNO yang terdesak kini.

Sekarang kita melihat pelbagai pendedahan skandal dan tindak-tanduk kerendahan nilai moral pemimpin kerajaan UMNO/Barisan Nasional yang terlibat dengan pelbagai kes penyelewengan termasuk rasuah, penyalahgunaan kuasa sehingga kepada pembunuhan kejam. Adakah nilai moral begini yang ditunjukkan dapat diharapkan oleh rakyat untuk membela agama, bangsa dan negara?

Mereka yang telah diamanahkan memimpin negara oleh rakyat, terbukti lebih berminat mengumpulkan harta dengan jalan pintas sehingga sanggup mengepik dan mengambil hak rakyat demi kepentingan peribadi masing-masing. Akhirnya rakyat merana dan negara menuju kehancuran.

Dalam isu kenaikan harga minyak, rakyat sekali lagi ditipu oleh pemimpin kerajaan Barisan Nasional dengan pelbagai hujah dan perbandingan, tetapi kini rakyat sedar bahawa komitmen dan ketelusan pemerintahan Pakatan Rakyat InsyaAllah akan dapat menyelamatkan negara dari kemelut ekonomi ini.

Selain ketelusan, kebertanggungjawaban dan keadilan haruslah menjadi agenda utama. Kita telahpun mengutarakan alternatif pengurusan sistem subsidi yang lebih berkesan mengawal inflasi dengan memastikan tidak wujud lagi ketirisan dan korupsi dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan.

Muqabalah PAS-UMNO

Selepas saja PRU12 selesai, sandiwara pemimpin UMNO semakin ketara. Pelbagai tawaran diajukan kepada PAS umpamanya untuk bergabung, berkongsi kuasa dan mengadakan muzakarah di atas nama perjuangan agama dan bangsa Melayu. UMNO beriya-iya menjemput pimpinan tertinggi PAS untuk mengadakan pertemuan.

PAS menyambut baik undangan pertemuan atau muqabalah ini dan bersedia mendengar apa-apa yang dihajati UMNO. Apabila mereka tidak berjaya meyakinkan PAS, Presiden UMNO, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri bertindak mendedahkan pertemuan ini kepada umum.

Seiring itu media arus perdana milik mereka riuh-rendah menjaja isu ini bagi menanam bibit keraguan dalam usaha memecah-belah gabungan Pakatan Rakyat. Namun PAS telah lama belajar tentang sepak terajang politik mereka khususnya pengalaman pahit bersama Barisan Nasional pada awal 70an dulu.

Sebenarnya kedudukan PAS adalah sangat jelas dalam isu ini. Kita konsisten sejak dulu lagi bersedia bermuqabalah atau bermuzakarah dengan mana-mana pihak bagi menyelesaikan permasalahan umat Islam dan masyarakat majmuk di Malaysia.

Firman Allah s.w.t

وَأِنْ جَنَّحُوا لِلْإِسْلَامِ فَاجْتَنِحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (61) وَإِنْ يُرِيدُوا أَنْ يَخْدَعُوكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ اللَّهُ هُوَ الَّذِي آتَىكَ بِنَصْرِهِ وَبِالْمُؤْمِنِينَ (62) وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلْفَتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلْفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (63)

Maksudnya”

”Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakal kepada Allah. Sesungguhnya la Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Dan jika mereka bertujuan hendak menipumu, maka sesungguhnya cukuplah Allah (menjaga dan memberi perlindungan) kepadamu. Dialah yang menguatkanmu dengan pertolonganNya dan dengan (sokongan) orang-orang yang beriman.

Dan (Dialah) yang menyatupadukan di antara hati (mereka yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatupadukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya la Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”

(al-Anfal : ayat 61-63)

Politik muzakarah ini adalah agenda politik dan wawasan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang yang telah beliau sebut-sebut sejak lama dulu semasa memegang jawatan Naib Presiden. Malah ianya selari dengan pandangan NGO-NGO Islam di satu perhimpunan di Johor Bahru selepas PRU12 yang lalu. Siapa yang menganjurkannya tidak penting. Tetapi resolusinya menyeru parti-parti orang Islam di negara ini bersatu atas dasar kepentingan Islam dan bangsa Melayu.

Sejak dua dekad berlalu UMNO tidak menunjukkan reaksinya dan tetap membisu. Senario ini menampakkan saingan sengit antara UMNO dan PAS. Rakyat jelas dapat melihat sikap terbuka PAS dan pandangan ke hadapan, berbanding dengan UMNO. Namun kini dalam suasana UMNO tersepit, tiba-tiba Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak PAS bersatu di atas kepentingan Islam dan bangsa Melayu.

PAS di bawah kepimpinan ulama telah mengambil langkah berhati-hati dalam menangani isu ini dan dalam masa yang sama mengambil peluang menyampaikan dakwah dan nasihat kepada semua termasuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Peranan PAS sebagai penyelamat.

Kini kepercayaan terhadap kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional berada pada titik yang paling rendah. Kehilangan suara dua pertiga di parlimen, keupayaan pengurusan ekonomi yang lemah, hala tuju negara yang amat kabur, keyakinan terhadap kemampuan membawa keharmonian pelbagai kaum yang amat rapuh, kehilangan keyakinan terhadap institusi utama seperti kehakiman, polis dan jabatan Peguam Negara semakin terhakis. Rakyat sudah mengalihkan pandangan dan menaruh harapan kepada PAS.

Maka,

PAS diperlukan sebagai penyelamat dan pemimpin bagi agama, bangsa dan negara dengan berteraskan perjuangan Islam yang syumul dan universal. Perjuangan yang sesuai untuk semua bangsa, kaum dan agama bersama berganding bahu menuntut keadilan dan menegakkan kebenaran ke arah membina negara Malaysia yang cemerlang.

Di samping kita berusaha mencapai keredhan Allah swt, jadikanlah parti kita sebagai harapan dan tempat mengadunya umat Islam dan rakyat seluruhnya.

PAS perlu wujud kukuh memainkan peranan sebagai 'semak-imbang' walaupun jika terjadi UMNO mula sedar dan mengorak langkah ke arah pelaksanaan Islam yang syumul.

Firman Allah s.w.t

وَلَوْلَا دَفَعُ اللَّهُ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَفَسَدَتِ الْأَرْضُ

Maksudnya:

” Kalaulah Allah tidak menolak dan mengimbangi kezaliman sesetengah manusia dengan golongan yang lain, maka rosak dan musnahlah seluruh muka bumi ini.”

(al-Baqarah : ayat 251)

Penutup

Marilah kita mengembelikan segenap fikiran dan tenaga ke arah meneguhkan parti kita sebagai jamaah Islam yang memenuhi sifat-sifat Hizbullah yang tidak akan berganjak dari dasar-dasar Islam.

Kita ulangi untuk sekian kalinya bahawa hanya penyelesaian Islam mampu menjadi penyelamat dari gejala yang negatif dan ideologi serta idealisme ciptaan manusia yang dianuti oleh pemimpin negara sekarang.

Kita juga bersyukur kepada Allah s.w.t dan menaruh keyakinan tinggi kepada rakan gabungan kita di dalam Pakatan Rakyat agar sentiasa memberi sokongan dan kerjasama dalam meneruskan cita-cita bersama untuk melihat Malaysia yang aman dan sejahtera.

Marilah kita meneguhkan parti kita dengan sifat-sifat Islam sehingga menjadi parti yang kuat, digeruni dan dihormati dengan sifat-sifat yang mulia. Bermula dengan diri kita menghayati sepenuhnya isi kandungan Islam, beramal dengan apa yang boleh diamalkan, berusaha menguatkan tanzhim. Mempunyai perancangan ke dalam dan ke luar yang disusun, dikaji dan dipantau keberkesanannya. Disamping peningkatan daya juang yang sentiasa bertambah.

Oleh itu kebangkitan kita bersama parti Islam ini adalah satu kewajipan Islam yang besar. Betapa besarnya kewajipan ummat Islam untuk berada bersama-sama di dalam saf perjuangan kita, maka lebih besar lagi kewajipan kita memenuhi tuntutan Islam terhadap parti kita dan isitiqamah menegakkannya dengan bersungguh-sungguh.

Firman Allah s.w.t

فَاسْتَقِمْ كَمَا أَمَرْتُ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya;

” Sebab itu istiqamahlah kamu sebagaimana yang telah diperintahkan, serta orang yang taubat bersama engkau dan janganlah melampaui batas. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Melihat.”

(Hud : ayat 112)

Marilah kita bermohon kepada Allah s.w.t agar melempahkan rahmat dan keampunanNya kepada kita dan saudara-saudara yang mendahului kita serta mengurniakan taufiq, hidayah dan meningkatkan iman , amal jariah dan mujahadah kepada Parti Islam SeMalaysia.

Akhir sekali, marilah kita dengan segala rendah diri memohon kepada Ilahi agar memberkati Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat kali ke 48 ini, supaya berjaya mencapai rumusan yang matang.


Sekian. Wabillahi taufiq wal hidayah. Wasalamu’alaykum wa rahmatullahi wa barakaatuh.
Allahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar.

@Dewan Muslimat PAS Pusat
Bandaraya Ipoh, 14 Ogos 2008.

RUJUKAN:



Carta 1.1 : Guna Tenaga Wanita, Malaysia 2006 (www.kpwkm.gov.my)



Carta 7.4 : Personel Sektor Awam Mengikut Kumpulan Perkhidmatan dan Jantina, Jun 2006 (www.kpwkm.gov.my)

INDEKS JENAYAH 2005-2007

(Sumber www.rmp.gov.my)

JENAYAH KEKERASAN	2005		2006		2007	
	Jumlah Kes	Kes Selesai	Jumlah Kes	Kes Selesai	Jumlah Kes	Kes Selesai
BUNUH	497	328	604	385	588	404
CUBA BUNUH	94	75	*	*	*	*
ROGOL	1,887	1,769	2,435	2,238	3,177	2,938
CABUL KEHORMATAN	*	*	2,023	1,646	*	*
SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	40	7	68	18	77	13
SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATA API	1842	774	2,658	1,043	7,067	2,524
SAMUN BERSENJATA API	317	59	247	44	202	27
SAMUN TANPA SENJATA API	13,210	6,474	18,446	7,878	17,241	8,221
PEMERASAN	*	*	1,549	1,020	*	*
UGUTAN JENAYAH	*	*	6,336	4,972	*	*
MERUSUH	*	*	2,261	1,627	*	*
MENCEDERAKAN	4,246	3,546	5,716	4,582	6,806	5,465
JUMLAH	22,133	13,032	42,343	25,453	35,158	19,592
JENAYAH HARTA BENDA						
CURI	34,317	19,626	37,128	20,099	44,617	23,520
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	5,507	1,667	6,328	587	5,047	858
CURI MOTOKAR	9,711	4,532	11,101	2,935	12,427	3,096
CURI MOTOSIKAL	51,709	22,448	64,858	10,330	67,584	20,242
CURI RAGUT	9,617	5,325	9,551	4,264	11,127	4,339
PECAH RUMAH SIANG HARI	6,923	2,653	8,253	2,749	9,159	2,734
PECAH RUMAH MALAM HARI	17,542	7,001	19,060	6,864	24,440	7,889
JUMLAH	135,326	63,252	156,279	47,828	174,440	62,678
JUMLAH JENAYAH INDEKS	157,459	76,284	198,622	73,281	209,559	82,270